

MASTERCARD DAN MDEC METERAI MOU UNTUK MEMACU PEMBAYARAN ELEKTRONIK DAN MEMPERCEPAT PENYERTAAN KEWANGAN

Kerjasama awam & swasta untuk fokus menggunakan digitalisasi untuk menangani pelbagai masalah ekonomi, komersial dan sosial.

Cyberjaya, 2 September 2020 – Mastercard hari ini menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) yang merupakan agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM).

MoU ini antara lain akan menyokong inisiatif digital yang digariskan kerajaan dalam Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dengan menumpukan usaha untuk mempercepatkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan usahawan mikro tempatan menyertai e-dagang melalui sokongan penggunaan penyelesaian pembayaran digital terutamanya bagi penduduk di luar bandar yang kurang akses kepada bank.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, YB Datuk Zahidi Zainal Abidin berkata, MoU berkenaan diyakini akan membawa sinergi yang dinamik menerusi perkongsian pengetahuan dan amalan terbaik untuk melancarkan transformasi digital ekonomi dan pertumbuhan perniagaan di Malaysia.

“Ini selaras dengan hasrat KKMM dan MDEC untuk menjadikan Malaysia sebagai Nadi Digital ASEAN dan memperkukuhkan peranan digital serantau yang melibatkan juara global seperti Mastercard dengan memastikan ekonomi digital akan mendorong kemakmuran bersama bagi rakyat Malaysia dan juga rantau ini,” katanya.

Menerusinya, Mastercard dan MDEC akan menyokong rakan industri untuk memudahkan pembayaran dengan penggunaan teknologi perniagaan seperti Mastercard Payment Gateway Services, platform kredit mikro Kionect dan Mastercard Teknologi Tanpa Kontak Untuk Memudahkan Perdagangan. Ia merupakan platform yang menyediakan perniagaan dengan infrastruktur yang diperlukan untuk terlibat dalam e-dagang. Pengembangan teknologi pembayaran digital disasarkan untuk membantu mewujudkan masyarakat dan perniagaan tempatan yang lebih pintar, lestari serta inklusif.

Pengerusi MDEC, Datuk Wira Dr Hj Rais Hussin Mohamed Ariff berkata, cabaran yang dihadapi oleh perniagaan pada tahun ini telah menunjukkan bahawa pertumbuhan yang berterusan dan inklusif memerlukan kerjasama erat antara sektor awam dan swasta supaya perdagangan dapat terus berkembang ke peringkat global.

“Digitalisasi merupakan kunci yang akan menjadi faktor utama bagi rakyat Malaysia untuk hidup dan bekerja dalam era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) dan seterusnya mendorong kemakmuran bersama,” katanya.

“Menerusi kerjasama dengan Mastercard yang akan menggunakan kepakaran mereka untuk mengembangkan infrastruktur pembayaran elektronik yang luas, MDEC berharap dapat menangani pelbagai masalah ekonomi dan sosial melalui teknologi yang menghubungkan individu, komuniti dan perniagaan dengan lebih baik untuk menjadikan rakyat Malaysia mahir secara digital serta perniagaan pelbagai saiz di seluruh negara turut diperkasakan secara digital,” kata Ketua Pegawai Eksekutifnya, Surina Shukri.

Kedua-dua pihak dijangka akan memanfaatkan program masing-masing seperti bimbingan global Mastercard dan kurikulum Girls4Tech STEM khas untuk mempromosikan literasi digital dan kewangan untuk kumpulan sasaran seperti wanita dan remaja perempuan yang kurang berkemampuan serta perusahaan yang diketuai oleh wanita. Ini juga merupakan bidang-bidang yang diberi tumpuan oleh MDEC melalui pelbagai programnya termasuk pengembangan bakat digital, memperkasakan wanita dalam pengurusan risiko siber, perkhidmatan e-dagang dengan Perkhidmatan e-dagang Setempat (PeDAS), eUsahawan (keusahawanan) dan inisiatif eRezeki (rezeki).

Kerjasama strategik ini semakin diperkukuhkan apabila MDEC kini menjadi ahli korporat StartPath yang merupakan inisiatif global Mastercard yang menyokong syarikat pemula yang inovatif untuk membolehkan teknologi kewangan Islam Malaysia terus berkembang.

Ia juga bertujuan untuk membantu peralihan PKS dan usahawan mikro ke ekonomi digital yang ketika ini merupakan keperluan mendesak kerana perniagaan kategori ini mewakili 98 peratus perniagaan di negara ini serta yang paling terkesan akibat penularan pandemik Covid-19. Di sebalik peningkatan penggunaan e-dagang sebelum wabak, data mendapati sebanyak 25 peratus perniagaan masih kekurangan infrastruktur untuk memanfaatkan peningkatan transaksi dalam talian.

Sebelum ini penyelidikan Mastercard yang mendapati terdapat peningkatan penggunaan pembayaran tanpa tunai di Malaysia pada Mac dan April tahun ini. Apa yang lebih menarik, pembayaran tanpa tunai di Malaysia adalah lebih tinggi berbanding dengan negara lain di Asia Tenggara dengan lebih 18 peratus responden mengakui lebih kerap menggunakannya berbanding 15 peratus di Thailand, 15.75 peratus di Singapura dan 16.9 peratus di Filipina pada April.

Pengurus Mastercard Malaysia dan Brunei, Perry Ong berkata, kerjasama dengan MDEC selaras dengan syarikat itu yang berteraskan kemajuan teknologi digital untuk mewujudkan peluang, memperluaskan inklusif dan mendorong keusahawanan.

"Kerajaan Malaysia telah menetapkan dasar yang jelas untuk memajukan negara dengan mewujudkan masyarakat yang cerdas dan bermaklumat. Mastercard teruja dapat menyokong usaha ini dan berharap dapat bekerjasama dengan MDEC untuk menggunakan teknologi pembayaran yang paling selamat, cekap dan serba boleh di dunia," katanya.

Mastercard telah beroperasi di Malaysia selama lebih 20 tahun dan sentiasa berusaha untuk menyokong visi kerajaan bagi mewujudkan masyarakat tanpa tunai dan mempekasakan ekonomi digital. Pada 2017, Mastercard bekerjasama dengan Cyberview Sdn. Bhd. dan Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC) untuk menjadikan Cyberjaya sebagai Bandar Pintar dengan memfokuskan inisiatif tanpa tunai dan kali ini berharap dapat meneruskan usaha inovasi digital ini bersama MDEC pada skala yang lebih besar.

- Tamat -

Mengenai Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)

Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) merupakan agensi di bawah seliaan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, yang diamanahkan untuk menerajui pembangunan ekonomi digital negara. Ditubuhkan pada tahun 1996, mandat MDEC termasuk memacu penerapan mengguna pakai teknologi digital di kalangan rakyat, pembangunan bakat yang mampu memenuhi kehendak industri, merangka dasar-dasar ekonomi digital serta mewujudkan juara-juara dalam bidang ekonomi digital di peringkat global.

Untuk memastikan masa depan Malaysia menghadapi era digital terjamin, MDEC akan bersandarkan rekod prestasinya yang kukuh, kredibiliti di kalangan industri dan kepimpinan yang berpengalaman untuk mengaitkan, memangkinkan dan mengkomersialkan inisiatif- inisiatif digital yang bertujuan untuk menggiatkan kemajuan ekonomi digital yang sedang berkembang dengan pesat dan mampan serta menjadikan kepelbagaian dan keterangkuman sebagai terasnya.

MDEC juga akan terus memacu pertumbuhan ekonomi digital berimpak tinggi selaras dengan Wawasan Kemakmuran Negara 2030 dan mengukuhkan reputasi negara sebagai Nadi Digital ASEAN.

#LetsBuildTogether #DigitalMalaysiaForward #DigitalvsCovid

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang inisiatif-inisiatif ekonomi digital yang dilaksanakan oleh MDEC sila layari www.mdec.my atau ikuti kami di:

Facebook: <https://www.facebook.com/MyMDEC/>

Twitter: @mymdec

Mengenai Mastercard

Mastercard adalah syarikat teknologi pembayaran global dalam industri pembayaran. Misi kami adalah untuk menghubungkan dan memperkasakan ekonomi digital yang inklusif yang memberi manfaat kepada semua orang, di mana sahaja dengan membuat transaksi selamat, mudah, pintar dan senang diakses. Dengan menggunakan data dan rangkaian yang selamat, perkongsian dan semangat dedikasi, inovasi dan penyelesaian kami membantu individu, institusi kewangan, kerajaan dan perniagaan menyedari potensi terbesar mereka. Darjah kesopanan kami, atau Decency Quotient (DQ) merupakan pemacu budaya dan setiap yang kami lakukan di dalam mahupun di luar syarikat. Dengan adanya hubungan di lebih daripada 210 negara dan wilayah, kami membina dunia lestari yang membuka peluang yang tidak ternilai untuk semua.

MDEC Communications Contact

Shyla Sangaran, +6014 932 5383

shyla.sangaran@mdec.com.my

Mastercard Communications Contact

Nathalia Nugrahani, +62 8151 9019 938

nathalia.nugrahani@mastercard.com

Agency Communications Contact

Sarah Zulkifli, +6012 7989 447

sarah.zulkifli@webershandwick.my

Amira Amrang, +6017 288 3711

amira.amrang@webershandwick.my